

# **RHB MY1 Home Loan Product Disclosure Sheet**

» **English Version**

» **Versi Bahasa Malaysia**

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the RHB MY1 Home Loan. Be sure to also read the general terms and conditions in the letter of offer. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms and conditions)

Issuing Bank : RHB Bank Berhad  
Product Name : RHB MY1 HOME LOAN  
Date : 10 October 2010

### 1. What is this product about?

The RHB MY1 Home Loan is calculated on a variable rate basis and you are offering your house as security for this loan.

### 2. What do I get from this product?

- Margin of financing: Up to 90% of the Sales & Purchase Agreement or Open Market Value
- Tenure: Up to 38 years or 65 years of age, whichever is earlier
- Interest rate: Prevailing rate per the RHB MY1 Home Loan leaflet or as advertised on our website, [www.rhb.com.my](http://www.rhb.com.my).

Interest will be calculated on daily rest.

**Effective lending rate:** The prevailing BLR is 6.30%

### 3. What are my obligations?

- Monthly installment: Your monthly installment will be calculated based on the following variables:
  - Your loan amount
  - The interest rates – subject to fluctuations of the Base Lending Rate. The installment amount may vary if BLR changes
  - Your loan tenure

**Note :** Total repayment amount may vary if BLR changes.

### 4. What are the fees and charges I have to pay?

- **Stamp Duties**  
As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989).
- **Disbursement Fees**  
Include fees for registration of charge, land search and bankruptcy search.
- **Legal Fees pertaining to loan documentations**  
You are required to pay all legal fees and incidental expenses in connection with the Banking Facility (including but not limited to the preparation, stamping and registration of any security documents and the lodgment and withdrawal of caveats). Provided that the legal firm meets the Bank's minimum criteria, you may appoint your preferred legal firm to attend to the preparation of the documentation. However, to avoid any delay in the documentation due to unfamiliarity with the Bank's documentation or process, the appointment of the Bank's panel lawyers is highly encouraged.
- **Valuation Fees**  
For completed properties only
- **Processing Fees**  
RM200-00 - Applicable only to the Revolving Home Loan Package (HLRC)
- **Redraw Fees**  
RM50-00 per transaction – Applicable only to the Flexi Home Loan Package (HLRD)

### 5. What if I fail to fulfill my obligations?

- Cancellation Fee : 1% on loan amount approved if the loan is cancelled after acceptance of our Letter of Offer.
- Late payment penalty: 1% p.a. on the amount in arrears.
- Default Rate : 3.5% above the Bank's prevailing BLR with daily rests if you shall default in the payment on the due date of any money payable (whether principal or interest) for more than 90 days
- Right to set off: We have the right to set off any credit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this loan account.

### 6. What if I fully settle the loan before its maturity?

- Lock-in period: 3 – 5 years depending on package
- Early settlement penalty: 3%- 5% on the loan amount approved depending on package

### 7. Do I need any insurance / takaful coverage?

#### MRTA / Takaful

- Loan amount below RM100K : Compulsory
- Loan amount of RM100K and above : Optional

#### Fire Insurance / House Owner Policy

- Fire Insurance or House Owner Policy is compulsory. Should a piece of property be insured under a Master insurance policy, the borrower is to extend a copy of the insurance cover note to RHB Bank every year.

Note: Quotations will be provided by our sales staff for MRTA/Takaful offered by the panel of insurers/takaful providers. You are free to use the service of non-panel insurers/takaful operators. However, to avoid any delay in insuring your life / property, the appointment of the Bank's panel insurers is highly encouraged.

**8. What are the major risks?**

The interest rate on this loan is pegged to the Base Lending Rate (BLR) which may fluctuate from time to time. An increase in interest rates may result in higher monthly repayment.

If you have problems meeting your loan obligations, contact us early to discuss repayment alternatives.

**9. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**10. Where can I get further information?**

Should you require additional information about taking a housing loan, please refer to the *bankinginfo* booklet on 'Housing Loans' available at all our branches and the [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my) website.

For further information on the RHB MY1 Home Loan fees and charges, please visit [www.rhb.com.my](http://www.rhb.com.my).

If you have further enquiries, you may contact us at:

RHB Bank Berhad  
RHB Centre, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Telephone: 03-92068118 (Peninsular Malaysia) or 082-276118 (Sabah and Sarawak)  
Fax : 03-92879000  
Email : [customer\\_care@rhbbank.com.my](mailto:customer_care@rhbbank.com.my)  
Website : <http://www.rhb.com.my>

**11. Other housing loan packages available**

We also provide land and construction loans for individuals to build a house for residential use.

**IMPORTANT NOTE: YOUR HOUSE MAY BE FORECLOSED IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENTS ON YOUR HOUSING LOAN.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 10th October 2010

## HELAIAN PENDEDEHAN PRODUK

(Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang mengambil RHB MY1 Home Loan. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat umumnya)

Bank Pengeluar : RHB Bank Berhad  
 Nama Produk : RHB MY1 HOME LOAN  
 Tarikh : 10hb Oktober 2010

### 1. Apakah produk ini?

RHB MY1 Home Loan dikira berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan rumah anda sebagai cagaran untuk pinjaman ini.

### 2. Apakah yang boleh saya peroleh daripada produk ini?

- Margin pembiayaan : sehingga 90% Perjanjian Jual & Beli atau Nilai Pasaran Terbuka
- Tempoh: Sehingga 38 tahun atau sehingga berumur 65 tahun yang mana lebih awal
- Kadar faedah : Kadar yang diamalkan sebagaimana risalah RHB MY1 Home Loan atau sebagaimana diiklankan di laman web kami [www.rhb.com.my](http://www.rhb.com.my).

Faedah akan dikira berasaskan baki harian

Kadar pinjaman berkesan : KPA yang diamalkan ialah 6.30%

### 3. Apakah kewajipan saya?

- Ansuran bulanan : Ansuran bulanan anda akan dikira berdasarkan pemboleh ubah yang berikut:
  - Jumlah pinjaman anda
  - Kadar faedah – tertakluk pada turun naik Kadar Pinjaman Asas (KPA). Jumlah ansuran boleh berubah jika KPA berubah
  - Tempoh pinjaman anda

**Note :** Jumlah pembayaran balik boleh berubah jika KPA berubah.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- **Duti Setem**  
Sebagaimana Akta Duti Setem 1949 (Disemak semula 1989)
- **Yuran Pengeluaran**  
Termasuk yuran untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrapan.
- **Yuran guaman berkaitan dokumentasi pinjaman**  
Anda dikehendaki membayar semua yuran guaman dan perbelanjaan luar jangka berkaitan Kemudahan Perbankan (termasuk tetapi tidak terhad pada penyediaan, penyeteman dan pendaftaran apa-apa dokumen sekuriti dan pengemukakan dan penarikan balik kaveat). Dengan syarat bahawa firma guaman memenuhi kriteria minimum Bank, and boleh melantik firma guaman yang anda kehendaki untuk membuat persediaan dokumentasi. Walaubagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam penyediaan dokumentasi disebabkan tidak biasa dengan dokumentasi atau proses Bank, pelantikan peguam panel Bank amat digalakkan.
- **Yuran Penilaian**  
Untuk harta yang telah disiapkan sahaja
- **Yuran Pemprosesan**  
RM200-00 – Terpakai hanya bagi pakej Revolving Home Loan (HLRC)
- **Yuran Pengeluaran Semula**  
RM50-00 bagi setiap transaksi – Terpakai hanya bagi pakej Flexi Home Loan (HLRD)

### 5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Yuran Pembatalan: 1% pada jumlah pinjaman yang diluluskan jika pinjaman dibatalkan selepas penerimaan Surat Tawaran kami.
- Penalti Pembayaran Lewat: 1% setahun pada jumlah tertunggak
- Kadar Mungkir: 3.5% di atas KPA yang diamalkan oleh Bank dengan kadar berasaskan baki harian jika anda mungkir dalam pembayaran pada tarikh genap masa untuk dibayar bagi apa-apa wang yang kena dibayar (sama ada prinsipal atau faedah) selama lebih daripada 90 hari.
- Hak untuk Tolak Selesai: Kami berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang disinggarakan dengan kami terhadap apa-apa baki yang belum dijelaskan dalam akaun pinjaman anda.

### 6. Bagaimana sekiranya saya menjelaskan semua baki sebelum tarikh matang?

- Tempoh tertutup : 3-5 tahun bergantung kepada pakej
- Penalti penyelesaian awal: 3%-5% ke atas jumlah pinjaman yang diluluskan, bergantung kepada pakej.

#### 7. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insurans/takaful?

##### MRTA / Takaful

- Jumlah pinjaman kurang RM100K: Wajib
- Jumlah pinjaman RM100K dan lebih: Pilihan

##### Insurans Kebakaran/Polisi Pemilik Rumah

Insurans Kebakaran/Polisi Pemilik Rumah adalah diwajibkan. Sekiranya suatu harta itu diinsuranskan di bawah polisi insurans Induk, peminjam hendaklah memberikan satu salinan nota lindung insurans tersebut kepada RHB Bank setiap tahun.

Nota: Sebut harga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami bagi MRTA/Takaful yang ditawarkan oleh panel penanggung insurans/penyedia takaful. Anda bebas menggunakan perkhidmatan penanggung insurans/operator takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam menginsuranskan hayat/harta anda, pelantikan penanggung insurans daripada panel Bank amat digalakkan.

#### 8. Apakah risiko utamanya?

Kadar faedah pinjaman ini disandarkan pada Kadar Pinjaman Asas (KPA) yang boleh turun naik dari semasa ke semasa. Suatu peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan pembayaran balik bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah memenuhi obligasi pinjaman anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

#### 9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan kepada butir-butir perhubungan saya?

Perlu ditekankan bahawa anda perlu memberitahu kami akan sebarang perubahan dalam butir perhubungan anda untuk memastikan semua surat-surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### 10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang pinjaman perumahan, sila rujuk kepada risalah *bankinginfo* tentang "Pinjaman Perumahan", yang boleh didapati di semua cawangan kami dan di laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

Untuk maklumat selanjutnya tentang yuran dan caj RHB MY1 Home Loan, sila layari [www.rhb.com.my](http://www.rhb.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:

RHB bank Berhad  
 RHB Centre, Jalan Tun Razak  
 50400 Kuala Lumpur  
 Tel : 03-9206 8118 (Semenanjung Malaysia) or 082-276118 (Sabah dan Sarawak)  
 Faks : 03-9206 8088  
 E-mel : [customer\\_care@rhbbank.com.my](mailto:customer_care@rhbbank.com.my)  
 Laman web : <http://www.rhb.com.my>

#### 11. Pakej pinjaman perumahan lain yang disediakan

Kami juga menyediakan pinjaman tanah dan pinjaman pembinaan untuk individu bagi membina rumah kediaman.

### NOTA PENTING:

### **RUMAH ANDA BOLEH DIRAMPAS JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN PERUMAHAN ANDA.**

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah bermula dari 10 Oktober 2010.